

03 AUG 2002

LID-Seychelles/I

MAHATHIR, CONTOH IKUTAN UNTUK NEGARA MEMBANGUN

LANGKAWI, 3 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan contoh cemerlang bagaimana seorang pemimpin yang mempunyai kesedaran, melaksana dan mengekalkan pembangunan di sesebuah negara untuk manfaat rakyat, kata Naib Presiden Seychelles James Alix Michel.

"Negara lain dalam Dunia Ketiga perlu banyak belajar daripada pengalaman Malaysia. Malah, saya dan negara saya sendiri yang rapat dengan Malaysia, telah banyak belajar. Kami sedang belajar dan akan terus berkongsi pengalaman dan mempelajari kejayaan Malaysia," katanya kepada pemberita ketika ditemui di luar sesi Dialog Antarabangsa Langkawi Global 2002 (Global 2002) di sini hari ini.

Global 2002 berakhir hari ini selepas sesi dialog dan perbincangan meja bulat perkongsian pintar di Pelangi Beach Resort di sini.

Ditanya mengenai harapan beliau terhadap Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) tanpa penyertaan Dr Mahathir sebagai ketua kerajaan, Michel berkata LID akan terus memainkan peranan penting sebagai ruang untuk bertukar-tukar idea walaupun Perdana Menteri mengosongkan tempatnya.

Dr Mahathir akan meletakkan jawatan pada Oktober tahun depan selepas mengumumkan persaraannya Jun lepas.

"Perdana Menteri (Dr Mahathir) memang seorang yang inovatif. LID mempunyai peranan yang sangat penting walaupun beliau tidak lagi menjadi perdana menteri. Kebijaksanaan merupakan aset penting untuk masa depan pergerakan itu," kata Michel.

Michel berkata pagi ini Global 2002 membincangkan perlunya para pemimpin yang tidak lagi memegang jawatan, meneruskan penyertaan aktif mereka dalam dialog-dialog perkongsian pintar.

Beliau berkata pengalaman dan kebijaksanaan mereka akan memastikan mesyuarat-mesyuarat yang lebih memberi kesedaran pada masa depan.

Michel yakin Malaysia akan terus menjadi tuan rumah dialog perkongsian pintar walaupun selepas Dr Mahathir bersara tahun depan.

"Saya berpendapat Malaysia mempunyai peranan penting dalam memastikan LID terus diadakan bagi memenuhi peranannya untuk merapatkan hubungan supaya pembangunan dapat dilaksanakan di negara masing-masing," katanya.

Sementara itu, Menteri Tenaga dan Mineral Tanzania Daniel A.N. Yona berkata kata-kata yang dituturkan oleh Dr Mahathir di arena antarabangsa adalah kata-kata yang mahu diluahkan oleh kebanyakan negara-negara Afrika tetapi tidak kesampaian.

"Negara-negara Afrika banyak belajar daripada kebijaksanaan Dr Mahathir kerana adalah baik mempunyai seseorang yang mengingatkan kita mengenai dunia yang penuh ancaman ini," katanya.

Yona berkata nasihat seperti ini baik kerana "tiada siapa pun yang memberikan kami nasihat seperti ini."

Ditanya sama ada negara-negara Afrika bimbang terhadap tindak balas Barat ekoran hubungan rapat mereka dengan Malaysia, beliau berkata ia tidak berlaku.

Yona juga berkata Tanzania berminat mempelajari pengalaman Malaysia membangunkan negara ini yang dicemburui ramai.

-- BERNAMA

SR SHY LAT